

D721

U B490 AAB
MAHATHIR-UMNO RRR

KOTA BAHARU, 2 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENOLAK ANGGAPAN BAHAWA UMNO TELAH BERPECAH-BELAH EKORAN PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI APRIL LEPAS TETAPI MENGAKUI HAKIKAT MEMANG ADA PERBEZAAN PENDAPAT DI ANTARA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI DALAM BEBERAPA HAL.

+ADALAH MUSTAHIL BAGI KESEMUA 1.4 JUTA ORANG ANGGOTA UNTUK MEMPUNYAI HANYA SATU PENDAPAT,+ KATANYA DALAM SATU UPACARA SAMBUTAN DI LAPANGAN TERBANG SULTAN ISMAIL PETRA SEMPENA LAWATANNYA SELAMA DUA HARI KE KELANTAN.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA UMNO DIANGGAP SEBAGAI BERADA DALAM KEADAAN TIDAK SIHAT DAN ANGGOTA-ANGGOTANYA KONONNYA TELAH HILANG KEPERCAYAAN KEPADA PUCUK PIMPINAN EKORAN DARIPADA PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI APRIL LEPAS.

SAMBIL MENYIFATKAN ANGGAPAN ITU SEBAGAI SATU TOHMAH, BELIAU BERKATA +HANYA MUSUH KITA SAJA YANG MENYEBUT BAHAWA EKORAN DARIPADA PEMILIHAN ITU, MAKA UMNO TELAH BERPECAH DAN TIDAK BERDAYA LAGI.+

DALAM PEMILIHAN ITU, DATUK SERI MAHATHIR MENEWASKAN BEKAS MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DENGAN KELEBIHAN 43 UNDI UNTUK JAWATAN PRESIDEN PARTI. -- LAGI
1203MST 02 10 87

D722

U B491 AAB
MAHATHIR-UMNO 2 KOTA BAHARU RRR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PADA UMUMNYA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TELAH MENUNJUKKAN SOKONGAN BULAT KEPADA PARTI.

+SOAL SIAPA YANG MENJADI PEMIMPIN IALAH SOAL LAIN,+ KATANYA. YANG PENTING, IALAH MEREKA HARUS MENGEKALKAN PERPADUAN KERANA ITU MERUPAKAN +SENJATA+ DALAM MENENTUKAN KESEJAHTERAAN BANGSA, AGAMA DAN NEGARA INI.

MENGENAI PERBEZAAN PENDAPAT DI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU BIASA DALAM SESEBUAH PERTUBUHAN YANG SEBESAR UMNO +SEDANGKAN SEPASANG SUAMI ISTERI PUN MEMPUNYAI PENDAPAT YANG BERBEZA+.

+TETAPI, PERBEZAAN INI TIDAK HARUS MENGUASAI TINDAK TANDUK KITA KERANA YANG PENTING IALAH PENYELESAIAN SECARA BAIK KE ARAH MATLAMAT PERPADUAN,+ KATANYA. -- LAGI
1204MST 02 10 87

D726

U B494 AAB
MAHATHIR-UMNO 3 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA JIKA BERLAKU KEADAAN DI MANA ADA ANGGOTA PARTI MEMPUNYAI PENDAPAT YANG BERBEZA ATAS SESUATU PERKARA, MEREKA HARUS Mencari satu titik-tolak untuk dijadikan asas rundingan yang dapat dipersetujui oleh semua pihak.

MEREKA JUGA PERLU MENERIMA KEPUTUSAN YANG DICAPAI MELALUI PROSES DEMOKRASI, KATANYA.

+KALAU KITA MENGASINGKAN DIRI KERANA GAGAL MENCAPAI MATLAMAT KITA, MAKA HAKIKATNYA BUKAN SATU KEMENANGAN TETAPI PERPECAHAN YANG MEMBAWA KEPADA KELEMAHAN DAN AKHIRNYA MELUCUTKAN KUASA DARI TANGAN KITA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBELUM PERKARA ITU BERLAKU, SETIAP MASALAH ATAU PERSELISIHAN FAHAM DI DALAM PARTI HARUS DISELESAIKAN DENGAN CARA BAIK.

BELIAU BERHARAP SEBARANG PERBEZAAN PENDAPAT DI KALANGAN ANGGOTA PARTI TIDAK AKAN MENGUASAI TINDAK TANDUK MEREKA. -- LAGI
1226MST 02 10 87

D734

U B500 AAB
MAHATHIR-UMNO 4 KOTA BAHARU

KATANYA PERPADUAN DI KALANGAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO DAN JUGA BARISAN NASIONAL DI KELANTAN TELAH MENGHASILKAN KEJAYAAN YANG BESAR DALAM PILIHAN RAYA UMUM TAHUN LEPAS.

+ADA ORANG KATA KITA HANYA MAMPU MEMENANGI ANTARA 17 HINGGA 19 KERUSI TETAPI BERKAT PERPADUAN SESAMA KITA, BN TELAH MEMENANGI 29 (DARI 39 KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI),+ KATANYA.

BELIAU YAKIN RAKYAT TELAH INSAF AKAN PENTINGNYA PERPADUAN DI KALANGAN MEREKA DAN INGINKAN KEAMANAN DI NEGARA INI.

+DARI PERPADUAN, DATANGNYA KEKUATAN DAN DARI KEKUATAN DATANGNYA KEBAHAGIAAN, + KATANYA.

MENGENAI MASALAH BANJIR YANG SERING MELANDA KELANTAN DI MUSIM TENGGUJUH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN CUBA SEDAYA UPAYA MENENTUKAN SEBOLEH-BOLEHNYA TIADA SIAPA YANG MENDERITA KERANANYA.

KATANYA SETIAP TAHUN KERAJAAN MEMBUAT PERSIAPAN AWAL UNTUK MENGHADAPI MASALAH ITU.

ESOK, PERDANA MENTERI DIJADUALKAN MELAWAT KAMPUNG KEMASIN DALAM JAJAHAN BACUK, YANG SERING DILANDA BANJIR. -- BERNAMA
1248MST 02 10 87